

TARBIYAH PENGASAS SIRI 41

7 Jun 2022

KELENGKAPAN ILMU

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

1. Tajuk tarbiyah hari ini ialah **Kelengkapan Ilmu**
2. Ia bertujuan berkongsi dua perkara:
 - i. Bagaimana pensyarah boleh bagi ilmu kepada pelajar secara lengkap
 - ii. Bagaimana pelajar boleh mendapat ilmu secara maksima di ISDEV
3. Biasanya, pensyarah memberikan ilmu kepada pelajar tentang bidang pengkhususannya, manakala pelajar mengharapkan pensyarah memberi ilmu tersebut dengan sebaiknya.
4. Yang dilupakan
 - ❖ Pensyarah – Ilmu yang boleh diberikan kepada pelajar melalui akhlaknya
 - Kata-kata
 - Amalan
 - Sikap
 - Tindakan
 - Perbuatan
 - Percakapan
 - Gerak-geri
 - Keterampilan
 - Perwatakan
 - Cara berkomunikasi
 - Cara berpakaian
 - Cara pelayanan
 - Cara berkasih sayang

- Dan sebagainya
 - ❖ Pelajar – Akhlak-akhlak di atas yang boleh didapati daripada akhlak pensyarah tersebut.
5. Kalau begitu keadaannya, itu belum lengkap:
- ❖ Pensyarah belum menyampaikan ilmu yang lengkap
 - ❖ Pelajar belum mendapat ilmu yang lengkap
 - ❖ Ilmu yang diberi pensyarah dan ilmu diambil pelajar hanyalah ilmu pengkhususan pensyarah itu sahaja.
6. Jika ikut beberapa pengalaman, ilmu yang diambil daripada akhlak adalah lebih berkesan dan lestari berbanding dengan ilmu pengkhususan
- ❖ AA Gym (Pemimpin dan Pengasas Darut Tauhid, Bandung Indonesia): Guru pertamanya adalah adiknya sendiri yang cacat. Aa Gym belajar daripada sikap, tindakan, dan kata-kata adiknya yang cacat ini. Adiknya ini:
 - Tidak pernah pesimis
 - Tidak pernah mengeluh
 - Tidak pernah buruk sangka kepada Allah SWT
 - Sangat sabar
 - Sangat Ikhlas
 - Menasihatkan AA Gym: “Allah cipta saya (begini), Allah pasti mengukur semuanya. Kalau orang lain kembali kepada Allah dengan bekal banyak amalan baiknya, semoga saya bisa kembali kepada Allah dengan banyak bersabar. Aa Gym tidak akan pernah bahagia, kecuali Aa Gym mengenal dan mencintai Allah. Dan AA Gym tidak akan mencapai kemuliaan hakiki, kecuali Aa Gym mengenal dan meniru Rasulullah SAW”.
 - ❖ Gerakan Islam (Tabligh, ABIM (Anwar Ibrahim), Hizbur Tahrir, IRC/JIM/Ikram, PAS, Wahabi dan sebagainya)/Pelajar dan alumni Al-Azhar/Pelajar dan alumni Saudi Arabia

- Ada imej, keterampilan, watak, percakapan tersendiri yang dipelajari dan diikuti daripada guru atau pemimpin mereka. Ada kenampakan Gerakan mereka itu.
- Warga ISDEV adakah begitu juga?

7. Jadi

❖ Pensyarah

- Kena hati-hati dengan akhlak masing-masing.
- Pelajar memerhati. Misalnya:
 - “Dulu Prof ada cakap...”.
 - “Saya perhatikan Prof selalu sujud syukur, patut saya nampak anak-anak Prof berjaya”
 - “Dalam buku, Prof tulis minta orang jadi baik. Tapi zikir yang saya bagi Prof tak amal pun”.
 - “Prof mahu kami tepat masa datang program, tapi Prof tak tepat masa dalam hentikan program. Mak saya tengah tunggu saya ni. Saya dah janji dengan Mak saya”.
- Kena bina akhlak diri untuk dijadikan ilmu oleh pelajar.

❖ Pelajar

Kena peka dengan akhlak pensyarah
 Belajar daripada akhlak pensyarah, jangan belajar hanya daripada ilmu pensyarah
 Ambil segala kebaikan peribadi pensyarah sebagai ilmu untuk diamalkan.